

23 JUN 1996

Amerika-Hubungan

KE ARAH MENGERATKAN HUBUNGAN AMERIKA SYARIKAT-MALAYSIA

Oleh: A.Rahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Kekurangan pengetahuan mengenai rantau ini oleh pentadbiran Amerika Syarikat sering kali mencetuskan salah faham dalam hubungan Malaysia-Amerika Syarikat yang selalu digembar-gemburkan oleh media, kata seorang pakar penasihat negara itu.

Kenneth E. Sheffer, penasihat kepada Presiden Yayasan Warisan Amerika Syarikat, berkata kekurangan pengalaman mengenai dasar luar di kalangan anggota Kongres Amerika Syarikat, yang dipilih berdasarkan isu-isu tempatan, adalah satu lagi punca kepada salah faham itu.

Satu program khas untuk mempertingkatkan pengetahuan anggota Kongres, golongan berpengaruh dan para wartawan di Amerika Syarikat mengenai Malaysia perlu diadakan, katanya kepada Bernama dalam satu temuramah di sini baru-baru ini.

"Tetapi setakat ini tiada sebarang usaha diambil untuk melaksanakan program sedemikian," kata beliau.

Sheffer berkata Malaysia memiliki banyak rekod cemerlang yang masih belum diketahui kebanyakan pihak di Amerika Syarikat.

"Sebab-sebab mengapa ekonomi Malaysia berkembang dengan begitu pesat masih tidak difahami oleh Amerika Syarikat, ini sangat menyedihkan," kata beliau.

Sheffer menyifatkan hubungan Amerika Syarikat-Malaysia sebagai "pada dasarnya positif tetapi ia di salah erti di peringkat umum."

Bagaimanapun, beliau berkata seseorang tidak seharusnya mempercayai bulat-bulat laporan media tetapi berusaha memahami latar belakang setiap laporan itu.

Beliau berkata Amerika Syarikat mahu bekerjasama dengan Malaysia bagi mempertingkatkan hubungan serta menghapuskan sebarang salah faham antara kedua-dua belah pihak.

Sheffer, yang sedang dalam misi mengumpul maklumat untuk yayasan itu, berkata beliau berada di sini bagi mewujudkan hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan seumpamanya serta badan-badan penyelidikan untuk berbincang mengenai segala aspek yang berkaitan dengan hubungan Amerika Syarikat-Malaysia.

Beliau berkata: "Yayasan berkenaan ialah sebuah pertubuhan penyelidikan dan bersifat berkecuali.

"Kami memberikan mereka (anggota Kongres) idea-idea. Kami memberi taklimat kepada mereka mengenai pelbagai isu dan Asia adalah antara bahagian yang paling penting," katanya.

Sheffer berkata yayasan itu telah membuka sebuah pejabat di Hong Kong baru-baru ini untuk membolehkannya mengikuti perkembangan rantau Asia dengan lebih terperinci.

"Adalah sukar untuk menarik tumpuan Amerika Syarikat kepada rantau ini. Satu daripada negara yang menarik minat Amerika ialah Malaysia, yang memainkan peranan utama dalam kemajuan di rantau ini," kata beliau.

"Kami perlu memberitahu semua pihak (di Amerika Syarikat) mengenai Malaysia yang akan terus berkembang pesat. Hubungan antara kedua-dua negara mesti diseimbangkan dan kami yakin Malaysia sedang menuju ke arah itu.

"Ia bukan satu tugas yang mudah, anda mesti memahami Amerika Syarikat dan kami perlu memahami anda," kata beliau.

Di sebalik laporan-laporan negatif, termasuk kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Amerika Syarikat, Sheffer berkata Amerika Syarikat kagum dengan kemajuan dalam hubungan Malaysia dengan

negara itu.

"Sebenarnya, beliau (Dr Mahathir) banyak membantu meningkatkan hubungan Malaysia-Amerika Syarikat. Berbeza dengan kedutaan-kedutaan Amerika Syarikat yang lain, kedutaan Amerika Syarikat di sini berpuas hati dengan tahap hubungan dengan Kerajaan Malaysia," kata beliau.

Ketika diminta mengulas mengenai sikap Amerika Syarikat yang suka mencampuri hal ehwal negara lain, Sheffer berkata: "Saya tidak boleh meramalkan bilakah ia akan berakhir. Sikap sedemikian ada baik dan buruknya."

"Kami yakin dengan kewujudan kepimpinan dan dasar yang konsisten, campur tangan boleh dilakukan secara positif," kata beliau.

Sheffer berkata "pujian"nya mengenai Malaysia adalah ikhlas selepas mengambil kira kejayaan ekonomi negara ini.

"Terdapat banyak bidang yang kami boleh bekerjasama dengan Malaysia, yang merupakan rakan dagangan utama ke-11 bagi Amerika Syarikat. Amerika Syarikat ialah tumpuan eksport utama bagi barangan perkilangan Malaysia," kata beliau.

Sekembalinya beliau ke Amerika Syarikat, Sheffer berkata beliau akan memaklumkan kepada yayasan berkenaan mengenai hasil lawatannya itu dan mengemukakan laporan kepada Kongres, tokoh-tokoh terkemuka serta para wartawan supaya mereka lebih memahami Malaysia.

Beliau berkata yayasan itu akan memastikan bahawa mesejnya mengenai Malaysia disampaikan kepada pihak-pihak berkenaan.

"Kami tidak akan membuat laporan yang berjela-jela panjangnya. Kami menyediakan laporan dan memastikan hasilnya disiarkan keesokan harinya," kata beliau.

-- BERNAMA

ARA MZ AKD